

Lima langkah segera kerajaan lindungi ekonomi domestik negara

● Langkah penjimatan ini membantu memastikan ruang fiskal negara kekal mencukupi sekiranya kerajaan perlu melaksanakan intervensi tambahan bagi melindungi rakyat

● Dengan memantau perkembangan ekonomi secara harian, kerajaan dapat bertindak lebih cepat sekiranya berlaku perubahan mendadak dalam harga komoditi, rantai bekalan atau pasaran kewangan



Oleh Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) merangkap Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesor Negara (MPN)

Pengumuman penting Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin menjelaskan lima langkah tambahan kerajaan bagi menangani impak konflik Asia Barat memperlihatkan satu kesinambungan dasar tersusun dan responsif terhadap perkembangan geopolitik semasa.

Ya berikutan konflik semakin meruncing di Asia Barat, khususnya membabitkan Iran dan ketegangan di sekitar laluan perdagangan strategik seperti Selat Hormuz, memberi kesan langsung kepada kestabilan ekonomi global.

Gangguan terhadap rantai bekalan tenaga serta lonjakan harga minyak mentah dunia mencetuskan ketidaktentuan pasaran dan meningkatkan kos logistik antarabangsa.

Bagi Malaysia, perkembangan ini berpotensi membawa implikasi besar terhadap kos pengangkutan, harga barangan asas dan kestabilan ekonomi domestik.

Dalam konteks ini, lima langkah diumumkan kerajaan bukan sahaja bertujuan meredakan kesan jangka pendek konflik itu, malah mencerminkan pendekatan pengurusan krisis berasaskan prinsip kewaspadaan fiskal, perlindungan sosial dan kesiapsiagaan pentadbiran negara.

Langkah pertama, mengekalkan harga BUDI95 RM1.99 seliter adalah satu keputusan dasar sangat signifikan dari sudut ekonomi politik.

Dalam keadaan harga minyak global meningkat akibat ketidaktentuan geopolitik, kebanyakan negara terpaksa menaikkan harga bahan bakar domestik bagi menyesuaikan diri dengan kos pasaran.

Namun, Malaysia memilih mengekalkan harga BUDI95 sebagai satu bentuk perlindungan kepada rakyat daripada tekanan inflasi lebih besar.

Pengesahan PETRONAS bekalan produk petroleum negara mencukupi sekurang-kurangnya sehingga Mei ini menunjukkan Malaysia mempunyai tahap keselamatan tenaga relatif stabil. Keadaan ini hasil pengurusan khazanah minyak negara cekap, profesional dan berlandaskan prinsip tatakelola yang baik.

Dalam konteks ekonomi domestik, mengekalkan harga bahan bakar pada paras stabil membantu mengawal kos pengangkutan dan logistik, sekali gus mengurangkan tekanan terhadap harga makanan serta barangan asas.

Ini penting kerana dalam banyak kes, lonjakan harga minyak sering menjadi pencetus utama kepada gelombang inflasi lebih luas dalam ekonomi.

Langkah kedua, kerajaan berjimat memperlihatkan dimensi disiplin fiskal pengurusan negara. Keputusan membatalkan penganjuran majlis rumah terbuka Aidilfitri oleh kementerian, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta mengehendak lawatan luar negara anggota pentadbiran, adalah simbol penting kerajaan bersedia memulakan penjimatan.

Dalam teori pentadbiran awam, pendekatan seperti ini sering dirujuk sebagai moral kepemimpinan dalam tadbir urus, iaitu kepemimpinan menunjukkan contoh melalui tindakan.

Urus kewangan awam penuh tanggungjawab

Apabila kerajaan menekankan perbelanjaan secara lebih cermat dalam keadaan ketidaktentuan global, ia menghantar mesej kepada seluruh jentera negara pengurusan kewangan awam perlu dilakukan dengan penuh tanggungjawab.

Selain itu, langkah penjimatan ini membantu memastikan ruang fiskal negara kekal mencukupi sekiranya kerajaan perlu melaksanakan intervensi tambahan bagi melindungi rakyat daripada kesan ekonomi global lebih buruk.

Langkah ketiga, operasi membawa pulang rakyat Malaysia dari Asia Barat, menonjolkan peranan negara melindungi keselamatan warganya di luar negara.

Operasi yang sehingga kini sudah menyelamatkan sekurang-kurangnya 170 rakyat Malaysia dan ahli keluarga mereka melalui pesawat sewaan khas mencerminkan keupayaan kerajaan menggerakkan koordinasi antara pelbagai agensi kesela-

matan dan diplomatik.

Penyelarasan operasi Majlis Keselamatan Negara (MKN), Wisma Putra dan agensi keselamatan lain menunjukkan Malaysia mempunyai mekanisme pengurusan krisis berfungsi dengan baik.

Langkah keempat, jawatankuasa khas pantau impak konflik Asia Barat, mencerminkan pendekatan pengurusan ekonomi lebih proaktif. Penubuhan jawatankuasa khas dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri II, Datuk Seri Fadillah Yusof bagi memperkukuh penguatkuasaan terhadap kegiatan pencatutan dan penyeludupan menunjukkan kesediaan kerajaan kemungkinan penyelewengan pasaran dalam suasana krisis.

Jawatankuasa khas itu juga akan mengkaji impak ekonomi harian konflik Asia Barat, memperlihatkan usaha kerajaan memastikan maklumat dan analisis ekonomi disalurkan kepada pimpinan negara secara berterusan.

Dalam ekonomi moden, keputusan dasar tepat memerlukan data terkini dan analisis berterusan. Dengan memantau perkembangan ekonomi secara harian, kerajaan dapat bertindak lebih cepat sekiranya berlaku perubahan mendadak dalam harga komoditi, rantai bekalan atau pasaran kewangan.

Langkah kelima, menetapkan hala tuju dan kesiapsiagaan mendepani impak konflik pula menekankan aspek perancangan strategik negara.

Mesyuarat Khas Jemaah Menteri diadakan untuk meneliti kedudukan fiskal negara serta memantau perkembangan konflik secara masa nyata menunjukkan kerajaan merancang pelan sederhana dan jangka panjang.

Pendekatan ini penting kerana konflik geopolitik sering bersifat tidak menentu dan boleh berlarutan dalam tempoh panjang. Dengan merangka strategi lebih menyeluruh, kerajaan dapat memastikan kepentingan rakyat dan negara terus terpelihara, walaupun keadaan antarabangsa berubah dengan cepat.

Lima langkah diumumkan kerajaan ini boleh dilihat sebagai lanjutan kepada tujuh pengumuman penting yang dibuat sebelum ini. Jika tujuh pengumuman itu memberi tumpuan kepada perlindungan sosial, penyasaran subsidi dan reformasi struktur ekonomi, lima langkah baharu ini menekankan aspek pengurusan krisis, keselamatan tenaga, disiplin fiskal dan kesiapsiagaan pentadbiran negara.

Dalam kerangka lebih luas, langkah ini mencerminkan aspirasi digariskan Perdana Menteri mengenai pembinaan negara digambarkan sebagai 'baldatun toyyibatun warobbun ghofur' iaitu negara baik, stabil, makmur dan berteraskan nilai ihsan.

Aspirasi ini bukan sekadar ungkapan idealistik, tetapi diterjemahkan melalui dasar konkrit bertujuan memastikan ekonomi negara kekal berdaya tahan, pentadbiran negara berfungsi dengan cekap dan kebajikan rakyat terus dilindungi.

